


Telefon Cat® B100

Manual pengguna



Sila Baca Sebelum Menggunakan Langkah-Langkah Keselamatan

Sila baca langkah-langkah keselamatan dengan teliti untuk memastikan penggunaan telefon mudah alih dengan betul.

Walaupun peranti ini tahan lasak, elakkan daripada mengetuk, melempar, menjatuhkan, meremukkan, membengkokkan dan mencucuk telefon mudah alih anda.

Elakkan daripada menggunakan telefon mudah alih anda dalam persekitaran yang lembap, seperti bilik air. Elakkan telefon mudah alih anda daripada direndam atau dicuci dalam cecair dengan sengaja.

Jangan hidupkan telefon mudah alih anda apabila penggunaan telefon dilarang atau apabila telefon boleh menyebabkan gangguan atau bahaya.

Jangan gunakan telefon mudah alih anda semasa memandu.

Patuhi sebarang undang-undang atau peraturan di hospital dan pusat penjagaan kesihatan. Matikan telefon mudah alih anda apabila berdekatan dengan peralatan perubatan.

Matikan telefon mudah alih anda di dalam pesawat. Telefon itu mungkin mengakibatkan gangguan untuk mengawal peralatan pesawat.

Matikan telefon mudah alih anda apabila berdekatan dengan peranti elektronik berkejituan tinggi. Telefon mungkin menjejaskan prestasi peranti ini.

Jangan cuba merungkaikan telefon mudah alih anda atau aksesoriya. Hanya personel yang berkelayakan sahaja dibenarkan menservis atau membaiki telefon.

Jangan letakkan telefon mudah alih anda atau aksesoriya di dalam bekas yang mempunyai medan elektromagnet yang kuat.

Jangan letakkan media storan magnet berdekatan dengan telefon mudah alih anda. Sinaran dari telefon boleh memadamkan maklumat yang disimpan di dalamnya.

Jangan letakkan telefon mudah alih anda di tempat bersuhu tinggi atau menggunakannya di tempat yang terdapat gas mudah terbakar seperti stesen minyak.

Jauhkan telefon mudah alih anda dan aksesoriya daripada kanak-kanak kecil. Jangan benarkan kanak-kanak menggunakan telefon mudah alih anda tanpa bimbingan.

Hanya gunakan bateri dan pengecas yang diluluskan untuk mengelakkan risiko letupan. Patuhi apa jua undang-undang atau peraturan tentang penggunaan peranti wayarles. Hormati privasi dan hak orang lain dari segi undang-undang apabila menggunakan peranti wayarles anda.

Jangan gunakan telefon mudah alih di dalam pesawat, hospital, stesen minyak atau bengkel profesional.

Bagi pesakit yang mempunyai implan (jantung, insulin, dsb), pastikan telefon mudah alih berada sekurang-kurangnya 15 sm dari implan dan apabila membuat panggilan, pastikan telefon berada pada kedudukan yang bertentangan dengan implan.

Ikut arahan manual ini dengan tepat apabila menggunakan kabel USB. Jika tidak, telefon mudah alih atau PC anda boleh rosak.

Pemberitahuan Berkaitan Perundangan



www.cat.com / www.caterpillar.com

© 2014 Caterpillar. Hak Cipta Terpelihara. CAT, CATERPILLAR, BUILT FOR IT, logo mereka, "Caterpillar Yellow", pakaian niaga "Power Edge" dan juga identiti korporat dan produk yang digunakan di sini, adalah tanda dagangan Caterpillar dan tidak boleh digunakan tanpa kebenaran.

Tiada bahagian dokumen ini boleh dihasilkan semula atau disebar dalam sebarang bentuk atau dengan apa jua cara tanpa mendapat keizinan bertulis daripada Caterpillar, Inc. terlebih dahulu.

Produk yang diterangkan di dalam manual ini mungkin termasuk perisian yang mempunyai hak cipta dan mungkin juga pemberi lesen. Pelanggan tidak boleh menghasilkan semula, mengedar, mengubah suai, menyahkompil, merungkai, menyahsulit, mengekstrak, menterbalikkan, menyewakan, memperuntukkan atau memberi sublesen perisian atau perkakasan dengan apa jua cara, melainkan sekatan demikian dilarang oleh undang-undang berkaitan atau tindakan sedemikian dibenarkan oleh pemegang hak cipta masing-masing bawah lesen.

Pemberitahuan

Sesetengah ciri produk dan aksesori yang diterangkan di sini bergantung kepada perisian yang dipasang, kapasiti dan tetapan rangkaian tempatan, dan mungkin tidak boleh diaktifkan atau mungkin dihadkan oleh operator rangkaian tempatan atau pembekal perkhidmatan rangkaian. Oleh itu, perihalan di sini mungkin tidak sepadan dengan tepat dengan produk atau aksesori yang anda beli.

Pengeluar berhak untuk menukar atau mengubah suai sebarang maklumat atau spesifikasi yang terdapat di dalam manual ini tanpa kewajipan atau pemberitahuan terdahulu.

Pengeluar tidak bertanggungjawab terhadap kesahan dan kualiti sebarang produk yang anda muat naik atau muat turun melalui telefon mudah alih ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada teks, gambar, muzik, filem dan perisian yang tidak terbina dalam dengan perlindungan hak cipta. Sebarang akibat daripada pemasangan atau penggunaan produk yang disebut sebelumnya pada telefon mudah alih ini akan menjadi tanggungjawab anda.

Amaran

Peranti ini disahkan terhadap penilaian Ingress Protection IP67 untuk habuk dan rendaman di dalam air. Ia memenuhi Military Standard MilSpec 810G untuk suhu keterlaluan, kabus garam, kejutan termal, gegaran dan ujian kejatuhan sehingga 1.8M ke atas konkrit.

Untuk memastikan peranti memenuhi aras perlindungan ini, penutup port (USB dan Fon Kepala) mestilah ditutup dengan rapat, dan penutup belakang dimuat dan dikunci dengan betul.

Peranti direka bentuk supaya boleh tahan basah, tetapi ia tidak direka bentuk untuk berada di bawah permukaan air untuk tempoh yang lama. Kerosakan air yang berlaku disebabkan penutup ini tidak ditutup dengan rapat tidak akan dilindungi oleh waranti.

Peranti ini tahan lama dari segi reka bentuknya, tetapi ia bukanlah tidak boleh dimusnahkan. Ia

telah diuji untuk kejatuhan 1.8 meter supaya ia akan terlindung daripada kejatuhan yang tidak sengaja semasa kegunaan biasa. Penyalahgunaan yang disengajakan terhadap peranti ini boleh menyebabkan kerosakan dan tidak dilindungi waranti.

Maklumat Waranti

Terma dan Syarat waranti tersedia di www.catphones.com.

Ringkasan Waranti Terhad Dua Tahun: Cat Phone menjamin bahawa pada masa belian asal dibuat, tidak terdapat sebarang cacat cela dari segi reka bentuk, bahan dan pembuatan pada produk perkakasan dan aksesori. Waranti ini akan terpakai selama dua puluh empat (24) bulan dari tarikh belian asal bagi peranti mudah alih, dan dua belas (12) bulan bagi aksesori (sama ada termasuk dalam pakej jualan peranti mudah alih atau dijual secara berasingan).

Kandungan manual ini diberikan "seadanya." Kecuali yang dikehendaki oleh undang-undang berkaitan, tiada waranti dalam apa jua bentuk, sama ada tersurat atau tersirat, termasuk tetapi tidak terhad kepada, waranti kebolehdagangan yang tersirat dan kesesuaian untuk tujuan tertentu, dibuat berhubung ketepatan, keutuhan atau kandungan manual ini.

Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang berkaitan, dalam apa jua keadaan, pengeluar tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerosakan khusus, sampingan, tidak langsung, atau kerosakan lanjutan, atau kehilangan keuntungan, perniagaan, hasil, data, nama baik atau simpanan yang dijangkakan.

Peraturan Import dan Eksport

Pelanggan akan mematuhi semua undang-undang dan peraturan import dan eksport yang berkaitan dan akan mendapatkan semua permit dan lesen kerajaan yang perlu untuk mengeksport, mengeksport semula, atau mengimport produk yang dinyatakan dalam manual ini termasuk perisian dan data teknikal yang berkenaan.

Kandungan

Selamat Datang ke Telefon Cat B100.....	9
Ciri-ciri.....	9
Mengenalinya Telefon Mudah Alih Anda	10
Fungsi Utama.....	11
Bermula dengan Telefon Mudah Alih kami.....	12
Memasukkan SIM dan Bateri	12
Mengecas Bateri	14
Menghidupkan atau Mematikan Telefon Mudah Alih Anda.....	15
Melindungi Telefon Mudah Alih Anda	15
Menggunakan Mod Penerbangan	15
Mengakses Aplikasi	16
Membuat dan Menerima Panggilan.....	16
Menghantar Mesej	16
Mengenalinya Skrin Utama.....	16
Telefon	19
Membuat Panggilan.....	19
Menjawab atau Menolak Panggilan.....	19
Operasi Lain Semasa Panggilan	20
Menggunakan Pusat Panggilan.....	20
Buku Telefon>Nama	22
Menambah Kenalan Baharu.....	22
Melihat dan Mengedit Kenalan	22
Memadam Kenalan	22
Tetapan Buku Telefon	22
Pemesejan	23
Mencipta dan Menghantar Mesej Teks (SMS)	23
Mencipta dan Menghantar Mesej Multimedia (MMS)	23
Membuka dan Melihat Mesej Multimedia	23
Membalas Mesej.....	23
Menyesuaikan Tetapan Mesej	24
E-mel.....	24
Membuka Akaun E-mel Awal	24
Melihat Mesej E-mel	24
Mencipta dan Menghantar Mesej E-mel.....	24
Membalas Mesej E-mel.....	24
Memadam Akaun E-mel	25

Menukar Tetapan Akaun E-mel	25
Mendapatkan Sambungan.....	25
Pelayar.....	25
Pelayar Opera.....	25
Pelayar Obigo	26
Bluetooth.....	29
Multimedia	30
Mengambil Foto dan Merakam Video	30
Menikmati Muzik	31
Mendengar Radio FM	32
Keseronokan dan Permainan	32
Menggunakan Peta.....	33
Mendayakan Lokasi	33
Membuka Peta.....	33
Mencari Tempat-Tempat Menarik.....	33
Mendapatkan Arah.....	33
Menggunakan Aplikasi Lain	34
Menggunakan Kalendar	34
Menetapkan Penggera.....	34
Menggunakan Kalkulator.....	34
Menggunakan Pengurus Fail	35
Menguruskan Telefon Mudah Alih Anda.....	36
Menetapkan Tarikh dan Masa	36
Menetapkan Paparan	36
Menetapkan Nada Dering Telefon.....	36
Menetapkan Perkhidmatan Telefon	37
Cara untuk Mengosongkan Memori Telefon Mudah Alih Anda	37
Menetapkan Semula Telefon Mudah Alih Anda.....	37
Spesifikasi	39
Lampiran	41
Amaran dan Langkah Berjaga-Jaga	41
Aksesori.....	42
Membersih dan Menyelenggara	43
Panggilan Kecemasan	44
Kenyataan FCC	44
Maklumat Pendedahan RF (SAR)	46
Kesesuaian Alat Bantu Pendengaran (HAC) Panduan Pengguna Telefon Cat.....	47
Pencegahan Kehilangan Pendengaran.....	47

Pengisytiharan Pematuhan.....	48
Tanda CE & Nombor Pengenalan NB.....	49
Senarai Negara di mana peranti akan dijual.....	49
Mematuhi CE SAR.....	50
Maklumat Pembuangan dan Pengitaran Semula.....	50
Pengurangan Bahan Berbahaya.....	50
Pematuhan Peraturan EU.....	51
Pernyataan Kanada Industri.....	51
Logo Pensijilan.....	52

Selamat Datang ke Telefon Cat B100


B100 adalah kalis air, kalis habuk, dan cukup tahan lasak untuk menahan kejatuhan 1.8 M ke atas permukaan keras. Ia dilengkapi dengan mikrofon yang menenggelamkan hingar dan pembesar suara kuat berkualiti tinggi. Bukan sahaja telefon mudah alih yang tahan lasak, dengannya anda boleh menikmati pelayaran web, pemesejan, muzik dan banyak lagi dengan bateri berkapasiti tinggi dan memori yang boleh diperbesarkan sehingga 32GB.

Ciri-ciri

- MIL SPEC 810G: 1.8M (6 kaki) Jatuh ke atas simen; Suhu operasi: -25 C (-13 F) hingga 55 C (131 F)
- IP 67: Kalis air sehingga 1M (3 kaki) selama 30 minit; Tahan habuk
- Sokongan kad Mikro SD sehingga 32 GB
- Bluetooth V2.0 +EDR/A2DP (FTP, OPP, DUN, SPP, A2DP, AVRCP)
- Radio FM
- Kamera 3 MP, mengandungi kamera video
- Dwi mikrofon penenggelam hingar
- Teks ramalan
- GPS
- Pelayar
- Lampu suluh
- Disahkan oleh HAC (model AWS sahaja)
- Keupayaan TTY
- Pembesar suara berkualiti tinggi audio
- Boleh digunakan dengan pengecas tambahan*
- Pengurusan memori melalui USB

*Pengecas tambahan dijual berasingan

Mengenalinya Telefon Mudah Alih Anda



1. Cuping telinga
2. Bicu Fon Kepala
3. Paparan
4. Pemesejan/Menu Skrol Kiri
5. Pemain Media/Menu
6. Profil Pengguna/Pilih
7. Penggera/Menu Skrol
8. Kamera/Menu Skrol Kanan
9. Nama/Pilih Kanan
10. Tamat Panggilan/Kuasa
11. Pad Nombor
12. Hantar/Jawab
13. Menu/Pilih Kiri
14. Port USB

15. Kamera Belakang
16. Denyar
17. Pembesar Suara
18. Penutup Belakang
19. Selak Penutup Belakang
20. Rendahkan Kelantangan
21. Lampu suluh
22. Tinggikan Kelantangan

Fungsi Utama

Kekunci Tamat Panggilan/Kuasa	Tekan untuk menghidupkan telefon mudah alih anda atau menamatkan panggilan.
Kekunci Hantar/Jawab	Tekan untuk membuat atau menjawab panggilan.
Kekunci Menu/Pilih Kiri	Tekan untuk mengakses opsi menu.
Kekunci Nama/Pilih Kanan	Tekan untuk menambah atau mencari kenalan atau kembali ke skrin sebelumnya.
Kekunci Profil Pengguna/Pilih	Tekan untuk mengakses tetapan kelantangan profil pengguna atau memilih aplikasi dan opsi.
Kekunci Lampu Suluh Sisi	Tekan dan tahan sehingga lampu suluh padam atau menyala.


Bermula dengan Telefon Mudah Alih kami

Memasukkan SIM dan Bateri


1. Longgarkan skru lekap.
2. Alihkan penutup belakang.
3. Tanggalkan bateri.



4. Masukkan kad SIM dengan bahagian bersentuhan menghadap ke bawah ke dalam slot yang tersedia.



5. Masukkan bateri.
6. Letakkan semula penutup belakang. Jajarkan gigi di bahagian atas dengan lubang segi empat sama di dalam kasing, kemudian tekan ke bawah untuk memasangnya dengan kemas seperti yang ditunjukkan.
7. Ketatkan skru lekap.



Mengecas Bateri


Sebelum menggunakan peranti buat pertama kali, atau apabila ia tidak digunakan untuk masa yang lama, bateri mesti dicas.

Amaran: Hanya gunakan pengecas dan kabel yang diluluskan oleh Cat®. Peralatan yang tidak diluluskan boleh menyebabkan kerosakan pada peranti atau menyebabkan bateri meletup.

Jika bateri telah habis sepenuhnya, peranti tidak boleh dihidupkan apabila kuasa disambungkan buat pertama kali. Biarkan bateri yang telah habis untuk dicas selama sekurang-kurangnya lima minit sebelum cuba menghidupkan peranti.

1. Buka penutup USB dan pasang kabel USB.

Nota: Perhatikan orientasi palam. Kerosakan boleh berlaku apabila penyambung dimasukkan dengan cara yang salah, yang mana tidak dilindungi waranti.



2. Masukkan hujung kabel yang satu lagi ke dalam pengecas dinding.
3. Masukkan kord kuasa pada pengecas dinding ke dalam soket elektrik.

Nota: Jangan sekali-kali tanggalkan bateri semasa pengecasan kerana berbuat demikian boleh menyebabkan kerosakan pada peranti.

4. Setelah pengecasan selesai, tanggalkan penyambung dari peranti dan tanggalkan pengecas dinding. Pastikan port USB dikedapkan dengan betul, untuk melindungi produk daripada kelembapan.


Maklumat Penting Tentang Bateri

Awas: Terdapat risiko letupan jika bateri digantikan dengan jenis yang tidak betul. Buang bateri yang telah digunakan mengikut arahan.

- Jika bateri tidak digunakan untuk jangka masa yang lama, anda mungkin tidak boleh menghidupkan telefon mudah alih anda serta merta setelah anda mula mengecas bateri. Biarkan bateri dicas selama beberapa minit dengan keadaan telefon dimatikan sebelum cuba menghidupkan telefon itu. Animasi pengecasan pada skrin mungkin tidak dipaparkan dalam tempoh masa ini.
- Lama kelamaan, bateri tidak akan mengekalkan cas untuk masa yang lama seperti semasa ia dalam keadaan baharu. Apabila hayat bateri menjadi lebih pendek daripada biasa dengan ketara setelah dicas dengan betul, gantikan bateri dengan bateri baharu yang sama jenis.

- Menggunakan perkhidmatan data meningkatkan bebanan pada bateri dan akan mengurangkan tempoh masa ia boleh mengekalkan cas.
- Masa yang diperlukan untuk mengecas bateri bergantung kepada suhu persekitaran dan umur bateri itu.
- Apabila aras kuasa bateri rendah, telefon akan memainkan isyarat dan memaparkan mesej.

Menghidupkan atau Mematikan Telefon Mudah Alih Anda

- Untuk menghidupkan telefon, tekan dan tahan kekunci **Tamat Panggilan/Kuasa**  selama 2-3 saat.
- Untuk mematikan telefon, tekan dan tahan kekunci **Tamat Panggilan/Kuasa**.

Nota: Jika perlindungan nombor pengenalan peribadi (PIN) didayakan pada kad SIM anda, anda mesti memasukkan PIN anda sebelum menggunakan telefon mudah alih anda.

- Apabila kuasa bateri hampir habis, telefon anda akan dimatikan secara automatik.

Melindungi Telefon Mudah Alih Anda

Mendayakan PIN Kad SIM Anda

1. Tekan **Menu > Tetapan > Tetapan keselamatan > Keselamatan SIM**.
2. Pilih **Kunci PIN > Hidupkan**.
3. Tetapkan PIN untuk kad SIM anda.
4. Anda akan perlukan PIN ini untuk mengakses kad SIM anda pada masa hadapan.

Nota: Anda boleh mendail nombor kecemasan pada bila-bila masa dari telefon mudah alih anda.

Mengunci Telefon

Telefon anda akan mempunyai kunci pad kekunci automatik yang mana, secara lalai, akan terkunci apabila telefon berada dalam keadaan melahu selama 30 saat. Untuk membuka kunci pad kekunci, tekan **Buka Kunci > ***.

Untuk memastikan data anda lebih selamat, kunci telefon. Apabila telefon dikunci, anda masih boleh menerima mesej dan panggilan.

1. Tekan **Menu > Tetapan > Tetapan keselamatan > Keselamatan telefon**.
2. Tekan **Hidup** dan masukkan kata laluan telefon anda.
Kata laluan lalai kilang ialah 1122. Kata laluan ini boleh ditukarkan bawah **Tetapan keselamatan**. Jika anda menukar kata laluan anda, simpan rekod kata laluan yang baharu dibuat.
3. Kunci telefon kini aktif. Apabila memulakan semula telefon, anda akan diminta memasukkan kata laluan anda sebelum mengakses ciri-ciri telefon.

Menggunakan Mod Penerbangan

Sesetengah lokasi mungkin memerlukan anda mematikan sambungan wayarles telefon anda.


Hormati amaran dan arahan untuk mematikan peranti mudah alih di kawasan yang dilarang. Jika anda tidak mahu mematikan telefon anda, anda boleh menetakannya ke **Mod penerbangan**.

1. Tekan **Menu > Tetapan > Tetapan telefon > Mod penerbangan**.
2. Pilih **Mod penerbangan** dan tekan **OK**.
3. Tekan **Ya** untuk menukar mod.
4. Tekan **Kembali** untuk kembali ke skrin utama.

Mengakses Aplikasi

1. Untuk mengakses aplikasi, tekan **Menu**.
2. Gunakan butang skrol **Menu** untuk menonjolkan aplikasi berkenaan dan tekan **OK** atau **Pilih**.
3. Pilih ciri-ciri yang tersenarai untuk setiap aplikasi.

Membuat dan Menerima Panggilan

1. Untuk membuat panggilan telefon, dail nombor atau tekan **Nama** dari skrin utama:
 - Dail: Masukkan nombor dan tekan **Hantar/Jawab** .
 - Nama: Tekan **Nama**, skrol untuk pilih nama kenalan, dan tekan **Hantar/Jawab**.
2. Untuk menerima panggilan, tekan **Hantar/Jawab**.

Menghantar Mesej

Untuk menghantar mesej melalui teks (SMS) atau multimedia (MMS), tekan **Menu > Pemesejan**.

Mengenali Skrin Utama





Setelah anda mendaftar masuk, atau apabila anda menghidupkan telefon, skrin utama muncul. Skrin utama ialah tempat anda mula mengakses ciri-ciri pada telefon anda. Ia memaparkan tarikh dan masa dan membolehkan anda mengakses aplikasi, profil kelantangan pengguna dan nama kenalan. Anda boleh mengubah skrin utama mengikut kesukaan anda dengan menukar kertas dinding dan memilih item untuk dipaparkan.












Susun Atur Paparan

Pemberitahuan dan Maklumat Status




Skrin utama memaparkan masa, status bateri, mesej pemberitahuan dan jam analog atau digital. Skrin memberikan akses kepada **Menu**, **Profil Pengguna** dan **Nama**.

Ikon Status

	Bersambung ke rangkaian mudah alih GPRS		Tiada kad SIM terpasang
	Bersambung ke rangkaian 2G		Bateri sudah mati

	Bersambung ke rangkaian 3G		Bateri penuh
	Perayauan		Bateri separa penuh
	Kekuatan isyarat rangkaian mudah alih		Bateri sedang dicas
	Mencari isyarat rangkaian		Bluetooth aktif
	Tiada Isyarat		Bersambung ke peranti Bluetooth
	Mod Pesawat		

Ikon Pemberitahuan

	Teks atau mesej e-mel baharu		Panggilan masuk kedua
	Penggera ditetapkan		Panggilan menunggu
	Panggilan masuk		Lokasi didayakan
	Panggilan terlepas		
	Sedang menjawab panggilan		

Kertas Dinding

Anda boleh memilih sistem atau kertas dinding yang dipilih pengguna. Apabila menukar kertas dinding, imej skrin tidak memberi kesan pada semua halaman, hanya skrin melahu.

1. Untuk menukar kertas dinding, tekan **Menu>Tetapan**.
2. Pilih **Tetapan telefon > Paparan > Kertas Dinding**.
3. Pilih **Sistem** atau **Ditentukan pengguna**.
 - Sistem: Skrol dan lihat imej. Pilih imej untuk ditetapkan sebagai kertas dinding dan tekan **OK**.
 - Ditentukan pengguna: Pengurus fail memaparkan ruang tersedia. Pilih **Buka** dan skrol senarai item untuk digunakan sebagai kertas dinding, seperti foto yang anda muat turun. Pilih foto untuk ditetapkan sebagai kertas dinding dan tekan **OK**.
4. Tekan **Kembali** sehingga skrin utama muncul.

Menggunakan Storan Massa USB

Untuk memindahkan muzik dan gambar dari PC ke kad mikroSD telefon mudah alih anda, tetapkan kad mikroSD sebagai storan massa USB.

1. Sambungkan telefon mudah alih anda ke PC anda dengan kabel USB.
2. Pilih opsyen **Storan massa** pada storan peranti anda.

3. Folder storan massa untuk Telefon dan kad MikroSD akan muncul di skrin PC anda.
Anda sekarang boleh memindahkan fail dari PC anda ke kad mikroSD telefon anda.

Nota: Semasa fungsi storan massa USB didayakan, beberapa fungsi mungkin tidak tersedia.

Terdapat aplikasi Phone Suite PC tersedia untuk dimuat turun melalui laman web www.catphones.com. Pautan ini tersedia bawah halaman sokongan model B100. Ia boleh digunakan untuk mengedit kenalan, pemesejan, pengurusan fail dan entri kalendar.

Telefon

Terdapat beberapa cara untuk membuat panggilan telefon. Anda boleh mendail nombor atau pilih nombor dalam senarai kenalan anda atau dari mesej teks. Apabila anda sedang bercakap di telefon, anda boleh sama ada menjawab panggilan masuk atau menghantarkannya ke peti mel suara anda. Anda juga boleh mengadakan panggilan persidangan dengan dua orang lagi jika opsyen ini disokong oleh rangkaian anda.

Membuat Panggilan

Untuk membuat panggilan, dail nombor atau pilih nombor dari **Nama** atau **Panggilan didail**.

Nota: Berhati-hati supaya mikrofon tidak terhadang oleh jari anda. Mikrofon berada di antara kekunci 0 dan # di bahagian hadapan dan di sisi lensa kamera di belakang telefon.

Membuat Panggilan dengan Pendail

1. Dari skrin utama, gunakan pad kekunci untuk mendail nombor.
2. Tekan **Hantar/Jawab**.
3. Apabila panggilan selesai, tekan **Tamat Panggilan/Kuasa** untuk menamatkan panggilan.

Membuat Panggilan dari Nama

1. Dari skrin utama, tekan **Nama**.
2. Dari **Buku Telefon**, pilih kenalan yang ingin dipanggil dan tekan **Hantar/Jawab**.
3. Apabila panggilan selesai, tekan **Tamat Panggilan/Kuasa** untuk menamatkan panggilan.

Membuat Panggilan dari Panggilan didail

1. Dari skrin utama, tekan **Hantar/Jawab**. Tab **Panggilan didail** muncul.
2. Anda boleh skrol ke kiri atau ke kanan untuk melihat tab **Semua panggilan**, **Panggilan terlepas**, atau **Panggilan diterima**.
3. Dari tab yang berkenaan, pilih nombor untuk dipanggil dan tekan **Hantar/Jawab**.
4. Apabila panggilan selesai, tekan **Tamat Panggilan/Kuasa** untuk menamatkan panggilan.

Menjawab atau Menolak Panggilan

Untuk menjawab panggilan telefon, tekan kekunci **Hantar/Jawab**. Skrin memaparkan ID pemanggil.

Untuk menolak panggilan telefon, tekan **Tolak**.

Operasi Lain Semasa Panggilan

Membuat Panggilan Persidangan

Jika anda menerima panggilan baharu semasa anda sedang menjawab panggilan lain, anda boleh menyambungkan panggilan kedua kepada panggilan yang sedang anda jawab. Ciri ini dikenali sebagai panggilan persidangan. Anda juga boleh mengadakan panggilan persidangan dengan berbilang pemanggil.

Nota: Hubungi operator rangkaian anda untuk mengetahui sama ada ia menyokong panggilan persidangan dan berapa ramai peserta yang anda boleh tambah.

1. Untuk memulakan panggilan persidangan, dial nombor orang pertama dalam panggilan itu.
2. Semasa dalam panggilan, masukkan nombor telefon orang yang anda mahu sertai perbualan itu atau cari mereka menggunakan **Opsyen > Buku Telefon** dan tekan hantar. Panggilan pertama dijadikan panggilan menunggu secara automatik.
3. Sebaik saja anda bersambung dengan orang yang anda telah tambah, tekan **Opsyen > Persidangan**.
4. Untuk menambah lebih ramai orang, ulang langkah 2 dan 3.
5. Untuk memisahkan persidangan kembali kepada perbualan berasingan, tekan **Opsyen > Pisah**.
6. Untuk menamatkan panggilan persidangan dan memutuskan panggilan semua pemanggil, tekan **Tamat panggilan**.

Menukar Antara Panggilan

Jika anda menerima panggilan baharu semasa sedang menjawab panggilan lain, anda boleh menukar antara dua panggilan itu.

1. Semasa anda sedang menjawab dua panggilan, tekan kekunci **Hantar**.
2. Panggilan semasa diletakkan sebagai panggilan menunggu dan anda disambungkan kepada panggilan satu lagi.
3. Untuk kembali kepada panggilan asal, tekan **Opsyen > Tukar**.

Merakam Panggilan

Semasa panggilan sedang berlangsung, tekan **Opsyen > Perakam bunyi**. Alat ini akan mula merakam panggilan anda secara automatik. Tekan **Berhenti** untuk menamatkan rakaman.

Rakaman yang tersimpan boleh didapati bawah **Menu > Multimedia > Perakam bunyi**.

Menggunakan Pusat Panggilan

Pusat Panggilan mengandungi sejarah panggilan yang anda dial, terima atau terlepas. Anda boleh menggunakan sejarah untuk mencari nombor terkini yang dipanggil atau menambah nombor masuk kepada senarai kenalan anda dengan cepat.

Pusat Panggilan juga mengandungi tetapan panggilan lanjutan.

Melihat Sejarah Panggilan

1. Tekan **Menu > Pusat panggilan > Sejarah panggilan**.
Tab Panggilan didail muncul.
2. Skrol ke kiri atau ke kanan untuk melihat tab **Semua panggilan, Panggilan terlepas, atau Panggilan diterima**.
3. Tekan **Opsyen > Lanjutan**.
4. Opsyen lanjutan membolehkan anda melihat pemasa panggilan, kos panggilan, pembilang mesej teks dan pembilang GPRS.

Menukar Tetap Panggilan

1. Tekan **Menu > Pusat panggilan > Tetap panggilan > Tetap lanjutan**.
Senarai tetap muncul.

Tukar mana-mana tetap jika perlu. Tetap termasuk: senarai hitam, dail semula auto, paparan waktu panggilan dan peringatan, tamat pantas auto, tolak dengan SMS, pemberitahuan bersambung dan mod jawapan.

Menambah Kenalan dari Pusat Panggilan

1. Dari skrin utama, tekan **Hantar/Jawab**.
Ini adalah pintasan untuk mengakses tab **Panggilan didail**.
2. Jika perlu, skrol ke kiri atau ke kanan untuk melihat tab **Semua panggilan, Panggilan terlepas, atau Panggilan diterima**.
3. Dari tab yang berkenaan, pilih nombor untuk ditambah ke kenalan dan tekan **Opsyen > Simpan di Buku Telefon**.

Mengosongkan Log Panggilan

1. Dari skrin utama, tekan **Hantar/Jawab**.
Tab **Panggilan didail** muncul.
2. Jika perlu, skrol ke kiri atau ke kanan untuk melihat tab **Semua panggilan, Panggilan terlepas, atau Panggilan diterima**.
3. Tekan **Opsyen > Padam** atau **Padam semua** dan tekan **Ya** untuk mengesahkan.

Buku Telefon>Nama

Aplikasi Buku Telefon membolehkan anda menyimpan dan menguruskan maklumat seperti nombor telefon dan alamat kenalan anda. Setelah anda menyimpan maklumat kenalan dalam telefon mudah alih anda, ia memberikan akses mudah kepada orang yang anda mahu berkomunikasi.

Menambah Kenalan Baharu

1. Tekan **Menu > Buku Telefon > Tambah kenalan baharu >kekunci Pilih Tengah untuk menyimpan**.
Sebagai alternatif, tekan **Nama > Tambah kenalan baharu >kekunci Pilih Tengah untuk menyimpan**.
2. Masukkan maklumat berkaitan. Anda mesti menekan kekunci untuk abjad. Sebagai contoh, tekan kekunci **2** sekali untuk **a**, dua kali untuk **b** dan tiga kali untuk **c**.
3. Tekan **Opsyen > Simpan**.
4. Untuk menambah lebih banyak butiran kepada kenalan, tekan **Opsyen > Tambah butiran**.
5. Tambahkan sebarang butiran, termasuk nombor mudah alih, rumah, pejabat dan faks; alamat e-mel tambahan; nama syarikat dan nama jawatan; video pemanggil, tarikh lahir; URL; alamat; dan nota.

Melihat dan Mengedit Kenalan

1. Tekan **Nama** dan pilih kenalan yang berkenaan.
2. Tekan **Opsyen > Lihat**.
3. Untuk mengedit butiran kenalan, tekan **Opsyen > Edit**.
4. Buat apa jua perubahan. Kemudian tekan **Pilih > Simpan** dan tekan **Ya** untuk mengesahkan.

Memadam Kenalan

1. Tekan **Nama** dan pilih kenalan untuk dipadam.
2. Tekan **Opsyen>Padam** dan tekan **Ya** untuk mengesahkan.

Tetapan Buku Telefon

Untuk mengedit tetapan buku telefon anda, pergi ke **Menu > Buku Telefon > Opsyen > Tetapan Buku Telefon**.

Di sini anda boleh mengedit pilihan storan anda dan pilihan dailan pantas serta melihat nombor telefon dan status memori anda. Anda juga boleh memadam semua kenalan dari menu ini.

Pemesejan

Aplikasi Pemesejan membolehkan anda saling bertukar mesej teks (SMS) dan mesej multimedia (MMS) dengan sesiapa saja yang menggunakan telefon yang mempunyai ciri SMS atau MMS. Dengan aplikasi E-mel, anda boleh membaca dan menghantar e-mel.

Mencipta dan Menghantar Mesej Teks (SMS)

1. Dari skrin utama, tekan **Menu > Pemesejan > Tulis mesej**.
2. Masukkan mesej yang anda mahu hantar. Anda mesti menekan kekunci untuk abjad. Sebagai contoh, tekan kekunci **2** sekali untuk **a**, dua kali untuk **b** dan tiga kali untuk **c**.
3. Apabila anda sudah selesai memasukkan mesej, tekan **Opsyen > Hantar ke** dan pilih **Masukkan penerima** untuk memasukkan nombor kenalan anda. Anda juga boleh memilih **Tambah dari buku telefon** untuk memilih penerima dari senarai kenalan anda. Jika anda mahu menambah berbilang penerima, skrol balik ke **Masukkan penerima** atau **Tambah dari buku telefon**.
4. Apabila penerima anda yang dipilih telah dimasukkan, tekan **bebutang Pilih tengah** untuk menghantar.

Sebagai alternatif, anda boleh mencari penerima anda dalam buku telefon, tekan **Opsyen > Hantar mesej**.

Mencipta dan Menghantar Mesej Multimedia (MMS)

Format Mesej Multimedia boleh termasuk imej, video, audio, atau kad perniagaan dengan maklumat anda sendiri atau kenalan anda.

1. Apabila menaip SMS, tekan **Opsyen > Tukar ke MMS**.
2. Masukkan maklumat berkaitan. Anda mesti menekan kekunci untuk abjad. Sebagai contoh, tekan kekunci **2** sekali untuk **a**, dua kali untuk **b** dan tiga kali untuk **c**.
3. Pilih penerima yang anda mahu hantarkan mesej dari buku telefon anda.

Membuka dan Melihat Mesej Multimedia

Apabila mesej diterima, dari skrin utama tekan **Menu > Pemesejan > Peti Masuk** dan pilih mesej yang anda mahu lihat.

Membalas Mesej

1. Semasa melihat mesej, tekan **Opsyen > Balas**.
2. Masukkan maklumat berkaitan. Anda mesti menekan kekunci untuk abjad. Sebagai contoh, tekan kekunci **2** sekali untuk **a**, dua kali untuk **b** dan tiga kali untuk **c**.
3. Apabila anda telah selesai memasukkan mesej, tekan **bebutang Pilih tengah** untuk menghantarnya.

Menyesuaikan Tetapan Mesej

1. Dari skrin utama, tekan **Menu > Pemesejan > Tetapan mesej**.
2. Pada skrin ini anda boleh mengedit tetapan untuk mesej Teks, multimedia dan perkhidmatan.

E-mel

Menu > Pemesejan > E-mel

Telefon mudah alih anda menyokong POP3 dan IMAP yang digunakan oleh kebanyakan perkhidmatan e-mel.

Membuka Akaun E-mel Awal

Sebelum menggunakan aplikasi E-mel buat pertama kali, anda mesti mengkonfigurasi akaun e-mel anda. Anda perlu tahu alamat e-mel yang anda mahu telefon anda gunakan (emailuser@gmail.com) dan kata laluan untuk akaun itu.

1. **Menu > Pemesejan > E-mel**.
2. Pilih perkhidmatan dan ikuti arahannya.

Melihat Mesej E-mel

1. **Menu > Pemesejan > E-mel > Peti Masuk**.
2. Tekan **Opsyen > Dapatkan E-mel**.
3. Pilih mesej e-mel untuk dilihat.

Mencipta dan Menghantar Mesej E-mel

1. **Menu > Pemesejan > E-mel > Opsyen > Tulis E-mel**.
2. Untuk memasukkan alamat e-mel penerima, pilih **Kepada > Edit > Masukkan penerima** atau **Tambah dari Buku Telefon**. Apabila penerima telah ditemui, tekan **Kembali** untuk kembali ke draf e-mel anda
3. Masukkan subjek mesej (Opsyenal).
4. Untuk menulis mesej anda, anda mesti menekan kekunci untuk abjad. Sebagai contoh, tekan kekunci **2** sekali untuk **a**, dua kali untuk **b** dan tiga kali untuk **c**.
5. Apabila anda telah bersedia dengan mesej yang anda mahu hantar, tekan **Opsyen > Hantar**.

Membalas Mesej E-mel

1. Semasa melihat e-mel, tekan **Opsyen > Balas**.
2. Masukkan mesej yang anda mahu hantar.
3. Tekan **Opsyen > Hantar**.

Memadam Akaun E-mel

1. **Opsyen > Akaun e-mel.**
2. Pilih akaun yang anda mahu keluarkan dan tekan **Opsyen > Padam > Ya.**
3. Satu pemberitahuan akan muncul yang memberitahu anda bahawa akaun itu telah dipadamkan.

Menukar Tetapan Akaun E-mel

Anda boleh menukar beberapa tetapan untuk sesuatu akaun, termasuk berapa kerap anda menyemak e-mel, bagaimana anda diberitahu tentang e-mel baharu dan butiran tentang pelayan akaun itu gunakan untuk menghantar dan menerima e-mel.

Nota: Tetapan masuk dan keluar akaun anda bergantung kepada jenis perkhidmatan e-mel untuk akaun anda: POP3, IMAP atau Exchange. Anda boleh memasukkan butiran yang diperlukan secara manual, walaupun anda biasanya perlu menghubungi pembekal perkhidmatan e-mel anda untuk menentukan tetapan yang betul bagi akaun itu.

Mendapatkan Sambungan

GPRS/3G

Telefon mudah alih anda akan dikonfigurasi secara automatik untuk menggunakan perkhidmatan GPRS/3G pembekal perkhidmatan wayarles anda (jika ada) apabila anda menghidupkan telefon buat pertama kali.

Menyemak Sambungan Rangkaian

Telefon mudah alih anda akan membaca titik capaian kad SIM secara automatik. Atas sebab ini, jangan tukar parameter titik capaian; jika tidak, anda mungkin tidak dapat mengakses sumber rangkaian.

Pelayar

Telefon mudah alih anda dibekalkan dengan pelayar untuk mengakses Internet. Ia mungkin membekalkan satu daripada dua jenis pelayar, pelayar standard atau Pelayar Obigo. Langkah-langkah untuk melayari setiap jenis disenaraikan di bawah.

Pelayar Opera

Membuka Laman Web

1. Tekan **Menu>Pelayar.**
Mesej menyatakan "Menggunakan data mungkin dikenakan caj tambahan." Pilih **Ya** untuk teruskan atau **Tidak** untuk batalkan.
Caj bergantung kepada ISP anda.
2. Untuk membuka laman web, tekan **Edit**, masukkan alamat laman web di dalam medan URL, dan tekan **Go.**
Semasa anda memasukkan alamat, alamat laman web yang sepadan muncul di

skrin. Jika anda lihat alamat yang anda mahu, pilih alamat tersebut dan terus ke laman web itu.

Menetapkan Laman Utama

1. Semasa berada di dalam pelayar, pilih **Menu**.
2. Di bawah menu jantai bawah yang muncul, pilih **Tetapan > Lanjutan > Laman Utama**.
3. Masukkan domain yang anda mahu tetapkan sebagai laman utama anda.
4. Tekan **Selesai > Simpan**.

Menguruskan Penanda Buku

Anda boleh menyimpan sebanyak mana penanda buku yang anda perlukan pada telefon mudah alih anda.

Menambah Penanda Buku

1. Semasa berada di dalam pelayar, pilih **Menu**.
2. Di bawah menu jantai bawah yang muncul, pilih **Penanda Buku > Tambah**.
3. Taipkan tajuk yang anda mahu kenali untuk laman web.
4. Masukkan alamat dan tekan **Tambah**.

Membuka Penanda Buku

1. Semasa berada di dalam pelayar, pilih **Menu**.
2. Di bawah menu jantai bawah yang muncul, pilih **Penanda Buku**.
3. Dapatkan penanda buku yang anda mahu lihat dan tekan **Buka**.

Menyesuaikan Tetapan Pelayar

1. Semasa berada di dalam pelayar, pilih **Menu**.
2. Di bawah menu jantai bawah, pilih **Tetapan**.
3. Dari sini, pelbagai perubahan boleh dilakukan, seperti tetapan zum yang anda mahu.
4. Lebih banyak opsiyen boleh didapati di bawah **Lanjutan**.

Mengurus Laman Web

Untuk menavigasi laman web, gunakan **anak panah arah** untuk menggerakkan kursor anda. Apabila kursor dilayangkan di kawasan yang anda mahu zum masuk atau pautan yang anda mahu klik, tekan **bebutang Pilih tengah**. Gunakan pad kekunci untuk menaip sebarang alamat web atau istilah carian. Bebutang **Menu** membolehkan anda mengakses bar alamat, penanda buku, tetapan dan pelbagai alat navigasi lain.

Pelayar Obigo

Perkhidmatan internet

Telefon mudah alih anda dibekalkan dengan pelayar untuk mengakses internet.

Nota: Untuk menggunakan pelayar anda mesti mengaktifkan perkhidmatan data. Caj

bergantung kepada Pembekal Perkhidmatan anda.

1. Tekan **Menu>Perkhidmatan internet**

Dari menu ini anda mempunyai beberapa opsyen tersenarai, mendayakan akses kepada internet melalui penanda buku yang dipratentu atau dengan memasukkan alamat web, menyimpan penanda buku dan juga menyimpan halaman yang boleh dilihat di luar talian.

Laman Utama

1. Tekan **Menu>Perkhidmatan internet>Laman Utama**

Laman utama ini mempunyai tetapan **Lalai** dan **Ditentukan pengguna**, yang boleh diubah mengikut pilihan anda.

2. Semasa berada dalam **Perkhidmatan internet**, pilih **Tetapan>Laman Utama>Ditentukan pengguna>** (Taipkan alamat web yang diperlukan)
>Opsyen>Selesai

Mengurus Laman Web

Untuk menavigasi laman web, gunakan anak panah arah untuk menggerakkan kursor anda. Apabila kursor anda dilayang di kawasan yang anda mahu klik atau pilih, tekan **bebutang pilih tengah**. Gunakan pad kekunci untuk menaip sebarang alamat web atau istilah carian. Menu opsyen akan memberikan anda beberapa alat navigasi serta menyimpan laman web untuk kegunaan akan datang.

Menguruskan Penanda Buku

Anda boleh menyimpan penanda buku di telefon mudah alih anda

Menambah Penanda Buku

1. Semasa berada dalam perkhidmatan internet, pilih **Penanda Buku>Opsyen>Tambah penanda buku**
2. Taipkan tajuk yang anda mahu kenali untuk laman web **>Opsyen>Selesai**.
3. Masukkan alamat web **>Opsyen>Selesai**
4. Tekan **Selesai>** Pilih “Ya” untuk “**Simpan penanda buku**”

Cari atau masukkan URL

Cari kandungan web dengan memasukkan sama ada URL yang dikehendaki atau kata kunci

Alamat web terakhir

Kembali ke URL terakhir yang dilawati

Halaman terkini

Untuk melawati semula halaman dalam sejarah URL

Halaman yang tersimpan

Laman web yang telah disimpan untuk dilihat di luar talian

Menyimpan laman web untuk dilihat di luar talian

1. Lihat URL yang dikehendaki
2. Sebaik saja laman selesai dimuatkan, pilih **Opsyen**

3. Pilih **Opsyen lanjutan**
4. Pilih **Simpan** luar talian
5. Taipkan **tajuk** yang anda mahu untuk halaman tersimpan itu
6. Pilih **Opsyen>Selesai>** Pilih “**Ya**” untuk “**Simpan**”

Tetapan

Dari menu Tetapan pelbagai perubahan boleh dilakukan, seperti menentukan keutamaan anda, atau opsyen pelayar anda dan dengan memulihkan tetapan pelayar anda, keutamaan akan ditetapkan semula ke lalai.

Bluetooth

Telefon mudah alih anda termasuk sambungan Bluetooth, yang membolehkan anda membuat sambungan wayarles dengan peranti Bluetooth lain supaya anda boleh berkongsi fail dengan orang lain, bercakap secara bebas tangan dengan fon kepala Bluetooth, ataupun memindahkan foto dalam telefon anda ke PC anda.

Jika anda menggunakan Bluetooth, jangan lupa supaya berada dalam lingkungan 10 meter (33 kaki) dari peranti Bluetooth anda. Ketahuilah bahawa halangan seperti dinding atau peralatan elektronik lain mungkin mengganggu sambungan Bluetooth anda.

Menghidupkan Bluetooth

1. Tekan **Menu > Tetapan > Kesambungan > Bluetooth**.
2. Tekan **Pilih** untuk menetapkan kuasa Bluetooth ke **Hidup**. Ikon Bluetooth muncul pada bahagian atas skrin.
3. Untuk menetapkan keterlihatan kepada **Hidup** dan agar telefon anda boleh dilihat oleh peranti Bluetooth yang lain, tekan **Pilih**.

Opsyen Bluetooth membolehkan anda mencari peranti Bluetooth lain, menyesuaikan nama Bluetooth telefon anda, dan menggunakan ciri-ciri lanjutan.

Memasang dan Menyambung Peranti Bluetooth

Bluetooth mudah alih anda membolehkan anda membuat perkara berikut:

- Profil Bebas Tangan (PBT): membolehkan anda menggunakan peranti Bluetooth bebas tangan.
- Profil Fon Kepala (PFK): membolehkan anda menggunakan fon kepala Bluetooth mono.
- Profil Tolak Objek (PPO): membolehkan anda memindahkan fail melalui Bluetooth.
- Profil Penyebaran Audio Lanjutan (PPAL): membolehkan anda menggunakan fon kepala Bluetooth stereo.
- Profil Kawalan Jauh A/V (PKJAV): membolehkan anda mengawal apa yang dimainkan melalui fon kepala Bluetooth dari jauh.

Sebelum menggunakan Bluetooth, anda perlu memasangkan telefon mudah alih anda dengan peranti Bluetooth yang lain seperti berikut:

1. Pastikan fungsi Bluetooth pada telefon mudah alih anda didayakan.

2. Pergi ke **Menu > Tetapan > Kesambungan > Cari peranti audio**. Telefon mudah alih anda kemudian akan mengimbas untuk mengesan peranti Bluetooth dalam lingkungannya.
3. Pilih peranti yang anda mahu pasang dengan telefon mudah alih anda.
4. Masukkan kata laluan pemasangan untuk melengkapkan sambungan.

Nota: Setelah pemasangan berjaya dilakukan, menyambung kepada peranti Bluetooth berkenaan sekali lagi tidak memerlukan kata laluan.

Menghantar Fail melalui Bluetooth

Dengan Bluetooth, anda boleh berkongsi fail gambar, video atau muzik dengan keluarga dan rakan anda. Untuk menghantar fail melalui Bluetooth:

1. Tekan **Menu > Pengurus Fail > Opsyen > Buka**.
2. Pilih folder (sebagai contoh, Foto), dan tekan **Opsyen > Buka**.
3. Pilih foto untuk dihantar dan tekan **Opsyen > Hantar > Melalui Bluetooth**.
4. Pilih peranti yang dipasangkan.

Memutuskan Sambungan atau Menyahpasangkan Peranti Bluetooth

1. Tekan **Menu > Tetapan > Kesambungan > Bluetooth > Peranti saya**.
2. Skrol ke sambungan aktif.
3. Pilih **Opsyen > Putuskan sambungan**.

Multimedia

Selain daripada menjadi peranti komunikasi dan pembantu peribadi, telefon mudah alih anda juga memberikan anda banyak pilihan hiburan. Anda boleh mengambil foto, mencipta klip video dan audio serta memuat turun dan mendengar muzik.

Mengambil Foto dan Merakam Video

Kamera adalah kombinasi kamera dan kamkorder yang anda boleh gunakan untuk merakam dan berkongsi gambar dan video.

Mengambil Foto

1. Tekan **Menu > Kamera**.
2. Gubah foto anda dalam lingkungan skrin tangkapan foto.
3. Tekan **kekunci Pilih tengah** untuk mengambil foto anda.
4. Tekan **kekunci lembut kanan anak panah kembali** untuk menutup kamera.
5. **Kekunci bawah Tamat/Kuasa** akan keluar dari aplikasi kamera.

Melihat Foto Anda

1. Tekan **Menu > Multimedia > Pemapar imej**.

Foto anda muncul sebagai gambar kecil.

2. Pilih foto dan tekan **Opsyen** untuk memilih pelbagai tugas, termasuk melihat, menghantar dan memadam foto.

Merakam Video

1. Tekan **Menu > Kamera**.
2. Tekan ke bawah pada pad arahan untuk menukar kepada perakam video.
3. Sediakan video anda dalam lingkungan skrin tangkapan.
4. Tekan **kekunci Pilih tengah** untuk mula merakam.
5. Untuk menamatkan rakaman, tekan butang berhenti.
6. Video akan disimpan secara automatik ke dalam fail media anda.

Melihat Video anda

1. Untuk melihat video anda dengan serta merta selepas rakaman, pilih bebutang menu pada bahagian kiri skrin.
2. Skrol ke bawah untuk memilih main.
3. Sebagai alternatif, pergi ke **Menu > Pengurus Fail > Video**.

Menikmati Muzik

Anda boleh memindahkan fail muzik dari PC anda ke kad mikroSD anda supaya anda boleh mendengar muzik di telefon mudah alih anda.

Menyalin Muzik ke Kad Mikro SD

1. Masukkan kad mikroSD anda.
2. Sambungkan telefon ke komputer anda dengan kabel USB.
3. Di komputer anda, pergi ke pemacu USB dan buka pemacu itu.
4. Buat folder di direktori akar kad mikroSD (contohnya, Muzik).
5. Salin muzik dari komputer anda ke folder yang anda wujudkan.
6. Selepas menyalin muzik, keluarkan pemacu seperti yang dikehendaki oleh sistem pengendalian komputer anda untuk mengeluarkan telefon mudah alih dengan selamat.
7. Putuskan sambungan telefon mudah alih dari komputer.

Memainkan Muzik

1. Pergi ke **Menu > Multimedia > Pemain media > Senarai main saya**.
2. Pilih lagu yang anda mahu mainkan dan tekan kekunci **Pilih tengah**.

Petua: Semasa anda sedang mendengar muzik, tekan **Kembali** untuk menggunakan aplikasi lain. Muzik anda terus dimainkan. Untuk kembali ke kawalan muzik,

Menambah Muzik ke Senarai Main

1. Pergi ke **Menu > Multimedia > Pemain Media > Senarai Main Saya**.
2. Tekan **Opsyen**, pilih **Baharu**.
3. Masukkan nama yang digemari untuk senarai main baharu, tekan **Opsyen > Selesai**.
4. Tekan **Tambah**, pilih peranti storan anda dan ikut laluan direktori untuk mencari fail audio anda.
5. Tekan **OK** untuk menambahkan muzik ke senarai main.

Mendengar Radio FM

Radio FM membolehkan anda mendengar stesen radio FM di telefon mudah alih anda. Oleh kerana Radio FM menggunakan fon kepala stereo berwayar yang dibekalkan sebagai antena, sambungkan fon kepala kepada bicu audio telefon anda dahulu sebelum membuka aplikasi.

Memainkan Radio FM

1. Pastikan fon kepala terpasang ke bicu audio.
2. Tekan **Menu > Multimedia > Radio FM**.
3. Radio FM mengimbas secara automatik untuk mengesan saluran FM yang tersedia, menyimpannya sebagai pratetap dan memainkan saluran FM pertama yang ditemui.
4. Untuk mengawal kelantangan, tekan kekunci **Tinggikan Kelantangan** dan **Rendahkan Kelantangan** di tepi telefon.
5. Untuk membuat penalaan radio, tekan kekunci skrol **Kiri** dan **Kanan**.
6. Untuk menghidupkan dan mematikan radio, tekan kekunci skrol **Atas** dan **Bawah**.

Merakam Radio FM

1. Untuk merakam radio, tekan **Opsyen>Rakam**.
Radio mula merakam.
2. Tekan **Jeda**, **Teruskan**, atau **Berhenti**.
3. Sebaik saja rakaman berhenti anda akan diminta menyimpannya dengan menekan **kekunci Pilih tengah**.
4. Sesi rakaman boleh didapati bawah **Menu > Multimedia > Perakam Bunyi**.

Keseronokan dan Permainan

Opsyen:

- Java
- Peta Google
- Tetapan Java

Menggunakan Peta

Peta membolehkan anda mencari lokasi semasa anda, melihat keadaan trafik dalam masa sebenar (bergantung kepada ketersediaan di lokasi anda), dan mendapatkan arahan terperinci ke pelbagai destinasi di satelit, trafik atau peta jenis lain.

Mendayakan Lokasi

Sebelum anda membuka Peta untuk mendapatkan lokasi anda atau mencari tempat-tempat menarik, anda mesti mendayakan penerima "sumber lokasi".

Pergi ke **Menu > Tetapan > Tetapan GPS > Hidupkan Penerima > Ya** untuk pengesahan.

Membuka Peta

Peta mesti dimuat turun dari pelayar sebelum anda boleh mengakses aplikasi.

1. Pergi ke **Keseronokan & Permainan > Peta Google**.
2. Anda akan diarahkan semula ke pelayar dan diminta memuat turun aplikasi.
3. Sahkan **Ya**.
4. Setelah Peta dimuat turun, ia boleh diakses di **Keseronokan & Permainan**.

Mencari Tempat-Tempat Menarik

1. Semasa melihat peta, tekan **Menu > Cari di Peta**.
2. Masukkan tempat yang anda mahu cari, kemudian tekan **bebutang Pilih tengah** dan sahkan pilihan anda.

Nota: Anda juga boleh memilih satu opsyen dari senarai cadangan.

3. Hasil carian anda akan dipaparkan. Tekan **bebutang Pilih tengah** untuk memaparkan maklumat tentang hasil carian anda.

Mendapatkan Arah

1. Semasa melihat peta, tanpa destinasi yang dipilih, tekan **Menu > Dapatkan Arah**.
2. Masukkan titik permulaan dalam kotak teks pertama dan kemudian masukkan destinasi dalam kotak teks kedua.
3. Pilih tab untuk kereta, transit awam atau arah berjalan kaki.
4. Pilih **Tunjukkan arah**.
5. Satu senarai akan muncul bersama arahan cara menuju ke destinasi anda.

Nota: Untuk melihat langkah pada peta, tonjolkan langkah yang anda mahu dan pilihnya dengan **kekunci Pilih tengah**.

6. Apabila anda telah selesai melihat atau mengikut arahan, tekan **Kembali** untuk kembali ke peta.
7. **Kosongkan Peta** untuk menetapkan semula peta.

Menggunakan Aplikasi Lain

Menggunakan Kalendar

Gunakan kalendar untuk mencipta dan mengurus acara, mesyuarat dan janji temu.

Mencipta Acara Kalendar

1. Tekan **Menu > Pengelola > Kalendar**.
2. Gunakan kekunci skrol untuk memilih tarikh.
3. Tekan **Opsyen > Tambah acara**.
4. Masukkan butiran acara, seperti jenis acara (seperti peringatan atau mesyuarat), masa mula dan tamat, subjek, kekerapan, lokasi dan sebarang butiran.
5. Tekan **OK** dan kemudian **Ya** untuk mengesahkan.

Menetapkan Penggera

Anda boleh menetapkan penggera baharu atau mengubah suai penggera sedia ada.

1. Tekan **Menu > Pengelola > Penggera**.
2. Gunakan kekunci skrol untuk memilih masa dan tekan **Edit**.
3. Gunakan **kekunci skrol kiri/kanan** untuk menghidupkan penggera.
4. Masukkan masa penggera dalam format 4 digit. Untuk togol antara AM dan PM, tekan kekunci **Pilih** semasa masa diserlahkan.
5. Gunakan **kekunci skrol** untuk menetapkan butiran penggera, seperti frekuensi, nada penggera, bilangan minit untuk tidur dan jenis isyarat.
6. Tekan **Selesai** dan kemudian **Ya** untuk menyimpan. Masa muncul dalam senarai masa penggera. Ikon penggera muncul pada bahagian atas skrin.

Menggunakan Kalkulator

Gunakan kalkulator untuk menyelesaikan masalah aritmetik mudah atau gunakan operasi lanjutannya untuk menyelesaikan persamaan yang lebih kompleks.

1. Tekan **Menu > Pengelola > Kalkulator**.
2. Gunakan **kekunci skrol** melakukan operasi tambah, tolak, darab atau bahagi. Sebagai contoh:
 - Gunakan pad kekunci untuk memasukkan "100".
 - Skrol untuk memilih tanda darab (X).
 - Masukkan "5".
 - Tekan **OK**.
Jawapan "=500" muncul.

Menggunakan Pengurus Fail

Pengurus Fail membolehkan anda menyusun, mengedit dan memadam fail dan folder.

Mencipta Folder

1. Tekan **Menu > Pengurus Fail**.
Telefon memaparkan jumlah ruang dan ruang kosong.
2. Tekan **Opsyen > Buka**.
Telefon memaparkan senarai folder, seperti Muzik Saya dan Foto.
3. Tekan **Opsyen > Folder baharu**.
4. Gunakan pad kekunci untuk memasukkan nama folder baharu dan tekan **Pilih**.
Folder baharu muncul dalam senarai folder.

Mengalih atau Menyalin Fail

1. Tekan **Menu > Pengurus Fail**.
2. Tekan **Opsyen > Buka**.
3. Dari senarai folder, buka folder sumber yang mengandungi fail yang anda mahu salin.
4. Tekan **Opsyen > Salin > Pilih**.
"Salin ke" muncul pada bahagian atas skrin.
5. Tekan **Opsyen > Buka > [folder destinasi] >Pilih**.
Fail disalin ke folder destinasi.
6. Buka folder destinasi untuk memastikan fail disalin.

Memadam Fail

1. Tekan **Menu > Pengurus Fail**.
2. Tekan **Opsyen > Buka**.
Telefon memaparkan senarai folder, seperti Muzik Saya dan Foto.
3. Buka folder sumber yang mengandungi fail yang anda mahu padam.
4. Tekan **Opsyen > Padam**.
5. Tekan **Ya** untuk mengesahkan.
Fail dipadamkan dari folder.

Menguruskan Telefon Mudah Alih Anda

Gunakan **Menu > Tetapan** untuk mengkonfigurasi telefon anda. Tetapan termasuk opsi untuk telefon, GPS, keselamatan, kesambungan, kesan bunyi dan pemulihan tetapan kilang.

Menetapkan Tarikh dan Masa

Apabila anda mulakan telefon buat pertama kali, anda ditanya sama ada anda mahu masa dan tarikh dikemas kini secara automatik menggunakan masa yang disediakan oleh rangkaian.

Nota: Apabila masa yang diberikan oleh rangkaian digunakan secara automatik, anda tidak boleh menetapkan tarikh, masa dan zon masa.

1. Tekan **Menu > Tetapan > Tetapan Telefon > Masa dan tarikh > Tetapkan masa/tarikh**.
2. Masukkan masa dalam format JJ:MM (jam:minit). Tekan **Pilih** untuk togol antara AM dan PM.
3. Masukkan tarikh dalam format HH.BB.TTTT (hari.bulan.tahun).
4. Gunakan **kekunci skrol** untuk togol antara menghidupkan dan mematikan penjimatan waktu siang.
5. Tekan **OK**.

Menu **Masa dan tarikh** juga membolehkan anda memasukkan bandar rumah anda, menukar format masa dan tarikh serta mengemas kini zon masa anda.

Jika anda mahu telefon mengemas kini masa secara automatik, tekan **Tetapan telefon > Kemas kini masa auto** dan gunakan **kekunci skrol** untuk togol antara mematikan dan menghidupkan.

Menetapkan Paparan

Melaraskan Kecerahan Skrin dan Masa Paparan

1. Tekan **Menu > Tetapan > Tetapan telefon > Tetapan pelbagai > Lampu belakang LCD**.
2. Gunakan **kekunci skrol** untuk melaraskan kecerahan menjadi lebih cerah atau lebih gelap.
3. Gunakan **kekunci skrol** untuk melaraskan masa dalam saat sebelum skrin dimatikan apabila melahu.
4. Tekan **OK**.

Menetapkan Nada Dering Telefon

Untuk melaraskan kelantangan dan nada dering telefon, tekan **Menu > Profil Pengguna**.

Sebagai alternatif, tekan kekunci **Pilih** dari skrin utama.

Menu Profil Pengguna membolehkan anda melaraskan atau menyesuaikan tetapan umum telefon, mencipta dan mengaktifkan tetapan mengikut gaya anda sendiri dan melaraskan kelantangan untuk senyap, mesyuarat, atau penggunaan luar bangunan.

Menghidupkan Mod Senyap

1. Dari skrin utama, tekan **Pilih**.
2. Di bawah **Profil Pengguna**, tekan **Senyap > Opsyen > Aktifkan**.
Telefon kekal berada dalam mod Senyap sehingga anda memilih dan mengaktifkan tetapan lain.

Menyesuaikan Jenis dan Kelantangan Nada Dering

Di bawah **Profil Pengguna**, anda boleh menyesuaikan tetapan seperti jenis isyarat (dering/getaran), jenis dering, nada dering panggilan masuk, kelantangan nada dering, kelantangan mesej, kelantangan nada kekunci serta nada kuasa hidup dan kuasa mati. Semasa anda skrol ke bawah untuk melihat tetapan, gunakan **kekunci skrol kiri/kanan** untuk meningkatkan/mengurangkan kelantangan setiap tetapan.

Sebagai contoh, di bawah **Profil Pengguna > Am > Opsyen > Suaikan**, pilih **Kelantangan nada dering** dan tekan **kekunci skrol kiri/kanan** untuk mengurangkan/meningkatkan kelantangan. Tekan **Opsyen** untuk **Tukar** atau **Simpan**.

Menetapkan Perkhidmatan Telefon

1. Tekan **Menu > Perkhidmatan**.

Menyediakan Rangkaian Lalai

1. Pada skrin **Tetapan**, pilih **Tetapan Rangkaian**.
2. Di sini anda boleh menukar **Pilihan Rangkaian** dan **Pilihan perkhidmatan**, melihat **Maklumat rangkaian** anda, dan menukar tetapan **Sambungan GPRS**.

Nota: Semak ketersediaan perkhidmatan dan kadar pelan sambungan data dengan pembekal perkhidmatan rangkaian anda.

Cara untuk Mengosongkan Memori Telefon Mudah Alih Anda

- Alihkan fail dan lampiran e-mel ke kad mikroSD.
- Di Pelayar, kosongkan semua fail Internet sementara dan maklumat sejarah Pelayar.
- Nyahpasangkan perisian yang dimuat turun yang anda tidak gunakan lagi (cth. Google Maps).
- Tetapkan semula telefon mudah alih anda.

Menetapkan Semula Telefon Mudah Alih Anda

Memulihkan Data Kilang

Jika anda menetapkan semula telefon anda pada tetapan yang dikonfigurasi di kilang, semua data peribadi anda dari storan telefon dalaman, termasuk maklumat tentang Akaun Google anda, sebarang akaun lain, tetapan sistem dan aplikasi anda, dan apa jua aplikasi yang dimuat turun akan dipadamkan. Menetapkan semula telefon tidak memadamkan sebarang pengemaskinian perisian sistem yang anda muat turun atau sebarang fail dalam kad mikroSD, seperti muzik atau foto.

1. Tekan **Menu > Tetapan > Pulihkan tetapan kilang**.
2. Anda akan diminta untuk "Masukkan kata laluan telefon". Kata laluan lalai kilang ialah 1122. Jika anda telah menukar kata laluan lalai, masukkan kata laluan pilihan anda.
3. Tekan **OK**. Satu mesej akan terpapar, "Pulihkan tetapan dan mulakan semula telefon?" Tekan **Ya** untuk teruskan atau **Tidak** untuk batalkan.

Spesifikasi

Item	Spesifikasi*
Sistem Pengendalian	Proprietari
Pemproses	MTK 6276W
Memori	128MB/64MB Sokongan kad Mikro SD sehingga 32GB
Rangkaian	2G GSM/GPRS/EDGE 3G WCDMA (Kadar data maks: 384 kbps)
Jalur ***	GSM/GPRS/EDGE Jalur Kuad 850/900/1800/1900 MHz Versi EU: WCDMA DwiJalur 900/2100MHz (Eropah/Afrika) Versi AS: WCDMA TriJalur 850/AWS (1700/2100)/1900 (AS, Kanada, Amerika Latin) <i>Sila semak dengan peruncit anda untuk mengesahkan versi mana yang telah anda beli.</i>
Paparan	2.2" QVGA 240 X 320 TFT
Kamera	3 MP Pemain video dan Tangkap
Kesambungan	Bluetooth V2.0 +EDR/A2DP Bicu set kepala 3.5mm Mikro USB2.0
Bateri	1150mAh (boleh ditanggalkan) Masa bual sehingga 10 jam Tunggu sedia sehingga 23 hari
Lain-lain	Bluetooth, GPS

Tambahan	Radio FM Fon pembesar suara bebas tangan yang kuat
Dimensi	123 x 56 x 17.5mm
Berat	136 g
MIL SPEC 810G dan Disahkan IP67	Ketahanan impak sehingga 1.8M Kalis air sehingga 1m selama 30 min (penutup bateri mesti terpasang dengan betul dan semua port mesti dikedapkan dengan sempurna) Beroperasi antara -25°C (-13 F) hingga 55°C (131 F) Tahan habuk

* Reka bentuk dan spesifikasi tertakluk kepada perubahan tanpa pemberitahuan awal.

Lampiran

Amaran dan Langkah Berjaga-Jaga

Bahagian ini mengandungi maklumat penting berkenaan dengan arahan pengendalian peranti anda. Ia juga mengandungi maklumat tentang bagaimana menggunakan peranti dengan selamat. Baca maklumat ini dengan teliti sebelum menggunakan peranti anda.

Kasing Kalis Air

Penutup Port USB dan Fon Kepala mesti terpasang dengan kemas, dan penutup belakang terpasang dengan betul dan terkunci untuk memastikan peranti mencapai tahap perlindungan ini.

Peranti Elektronik

Matikan peranti anda jika penggunaan peranti ini dilarang. Jangan gunakan peranti ini apabila menggunakan peranti ini mengakibatkan bahaya atau mengganggu peranti elektronik.

Peranti Perubatan

Patuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan oleh hospital dan pusat penjagaan kesihatan. Jangan gunakan peranti anda apabila penggunaan peranti ini dilarang.

Pengeluar perentak menyarankan jarak minimum 15 sm perlu dikekalkan antara peranti dan perentak untuk mencegah gangguan yang berpotensi dengan perentak. Jika anda menggunakan perentak, gunakan peranti di bahagian bertentangan dengan perentak dan jangan bawa peranti di dalam poket depan anda.

Suasana Berpotensi Letupan

Matikan peranti anda di mana-mana kawasan yang mempunyai suasana yang berpotensi berlakunya letupan, dan patuhi semua tanda dan arahan. Kawasan yang mempunyai suasana yang berpotensi berlakunya letupan termasuk kawasan di mana anda biasanya dinasihatkan mematikan enjin kenderaan anda. Cetusan percikan api di kawasan seperti itu boleh menyebabkan letupan atau kebakaran, dan mengakibatkan kecederaan badan ataupun kematian. Jangan hidupkan peranti anda di tempat pengisian minyak seperti stesen minyak. Patuhi larangan penggunaan peralatan radio di depoh bahan api, tempat storan, dan kawasan pengedaran dan loji kimia. Selain itu, patuhi larangan di kawasan di mana operasi letupan sedang berlangsung. Sebelum menggunakan peranti ini, perhatikan kawasan yang mempunyai suasana berpotensi berlaku letupan yang sering, tetapi tidak sentiasa, ditandakan dengan jelas. Lokasi seperti itu termasuk kawasan di bawah geladak bot, pusat pemindahan bahan kimia atau storan, dan kawasan di mana udara mengandungi bahan kimia atau partikel seperti butiran, habuk atau serbuk logam. Tanya pengeluar kenderaan yang menggunakan gas petroleum cecair (seperti propana atau butana) sama ada peranti ini boleh digunakan dengan selamat di kawasan berdekatan.

Keselamatan Trafik

Patuhi undang-undang dan peraturan tempatan apabila menggunakan peranti ini. Selain itu, jika menggunakan peranti ini semasa memandu, patuhi garis panduan berikut:

Tumpukan perhatian pada pemanduan. Tanggungjawab pertama anda adalah memandu dengan selamat.

Jangan bercakap di peranti semasa memandu. Gunakan aksesori bebas tangan.

Apabila anda perlu membuat atau menjawab panggilan, parkir kereta di tepi jalan sebelum menggunakan peranti anda.

Isyarat RF boleh menjejaskan sistem elektronik kenderaan bermotor. Untuk maklumat lanjut, hubungi pengeluar kenderaan.

Di dalam kenderaan bermotor, jangan tempatkan peranti di atas beg udara atau kawasan di mana beg udara ditempatkan.

Jika tidak, peranti itu boleh mencederakan anda disebabkan oleh tekanan kuat apabila beg udara menggelembung.

Jangan gunakan peranti anda apabila berada di dalam kapal terbang. Matikan peranti anda sebelum memasuki kapal terbang. Menggunakan peranti wayarles di dalam kapal terbang boleh membahayakan operasi kapal terbang dan menjejaskan rangkaian telefon wayarles. Ia juga boleh dianggap menyalahi undang-undang.

Persekitaran Pengendalian

Jangan gunakan atau mengecas peranti di tempat berhabuk, lembap dan kotor atau tempat yang mempunyai medan magnet.

Jika tidak, ia boleh menyebabkan malfungsi pada litar.

Peranti mematuhi spesifikasi RF apabila peranti digunakan dekat dengan telinga anda atau pada jarak 1.5 sm dari badan anda. Pastikan aksesori peranti seperti kotak peranti dan sarungnya tidak dibuat daripada komponen logam. Jauhkan peranti anda 1.5 sm dari badan anda untuk memenuhi syarat yang disebut sebelum ini.

Pada hari hujan lebat dengan guruh, jangan gunakan peranti anda apabila sedang dicas, untuk mengelakkan bahaya yang berpunca daripada kilat.

Apabila anda sedang bercakap di telefon, jangan sentuh antena. Menyentuh antena menjejaskan kualiti panggilan dan mengakibatkan peningkatan penggunaan kuasa. Akibatnya, masa bual dan masa tunggu sedia akan berkurangan.

Semasa menggunakan peranti, patuhi undang-undang dan peraturan tempatan, dan hormati privasi orang lain dan hak mereka di sisi undang-undang.

Kekalkan suhu persekitaran antara 0°C dan 40°C semasa peranti dicas. Kekalkan suhu persekitaran antara -10°C hingga 55°C untuk menggunakan peranti yang dikuasakan oleh bateri.

Keselamatan Kanak-Kanak

Patuhi semua langkah berjaga-jaga berkenaan dengan keselamatan kanak-kanak. Membiarkan kanak-kanak bermain dengan peranti anda atau aksesori anda, yang mungkin termasuk bahagian-bahagian yang boleh ditanggalkan dari peranti, mungkin berbahaya, kerana ia boleh menyebabkan tercekik. Pastikan kanak-kanak kecil dijauhkan dari peranti dan aksesori anda.

Aksesori

Pilih hanya bateri, pengecas, dan aksesori yang diluluskan untuk kegunaan dengan model ini oleh pengeluar peranti. Penggunaan sebarang bateri, pengecas, atau aksesori jenis lain boleh membatalkan kesahan sebarang waranti bagi peranti ini, mungkin melanggar undang-undang

atau peraturan tempatan, dan mungkin berbahaya. Sila hubungi pengedar anda untuk maklumat tentang ketersediaan bateri, pengecas, dan aksesori yang diluluskan di kawasan anda.

Bateri dan Pengecas

Cabut pengecas dari palam elektrik dan peranti apabila tidak digunakan.

Bateri boleh dicas dan dinyahcas beratus-ratus kali sebelum ia akhirnya menjadi lemah. Apabila masa tunggu sedia dan masa bual lebih pendek daripada masa biasa, gantikan bateri.

Gunakan bekalan kuasa AC yang ditentukan dalam spesifikasi pengecas. Voltan kuasa yang tidak sesuai boleh menyebabkan kebakaran atau malfungsi pada pengecas.

Jangan sambungkan dua terminal bateri dengan pengalir elektrik, seperti bahan logam, kunci atau barang kemas. Jika tidak, mungkin berlaku litar pintas pada bateri dan boleh menyebabkan kecederaan dan luka terbakar pada badan anda.

Jika elektrolit bateri mengalir kerana kebocoran, pastikan elektrolit itu tidak terkena kulit dan mata anda. Apabila elektrolit mengenai kulit anda atau terpercik ke dalam mata anda, bilas mata dengan air bersih dengan serta merta dan berjumpa dengan doktor.

Jika berlaku kecacatan pada bateri, perubahan warna, atau pemanasan tidak normal semasa anda mengecas atau menyimpan bateri, keluarkan bateri dengan segera dan berhenti menggunakannya. Jika tidak, ia boleh menyebabkan kebocoran bateri, kepanasan melampau, letupan, atau kebakaran.

Jika kabel kuasa rosak (sebagai contoh, kord terdedah atau pecah), atau palamnya longgar, berhenti menggunakan kabel dengan serta merta. Jika tidak, ia boleh menyebabkan kejutan elektrik, litar pintas pengecas, atau kebakaran.

Jangan buang bateri ke dalam api kerana ia boleh meletup. Bateri juga boleh meletup jika rosak.

Jangan ubah suai atau buat semula, cuba menyisipkan objek asing ke dalam bateri, merendam atau mendedahkannya kepada air atau cecair lain, mendedahkannya kepada api, letupan atau bahaya lain.

Elakkan daripada menjatuhkan peranti atau bateri. Jika peranti atau bateri terjatuh, terutamanya ke atas permukaan keras, dan pengguna mengesyaki berlaku kerosakan, bawakannya ke pusat servis berkelayakan untuk diperiksa. Penggunaan bateri yang tidak betul boleh mengakibatkan kebakaran, letupan atau bahaya lain.

Buang bateri yang telah digunakan dengan segera mengikut peraturan tempatan.

Peranti seharusnya hanya disambungkan ke produk yang mempunyai logo USB-IF atau telah mengikuti program kepatuhan USB-IF dengan lengkap.

AMARAN – RISIKO LETUPAN JIKA BATERI DIGANTIKAN DENGAN JENIS YANG SALAH. BUANG BATERI YANG TELAH DIGUNAKAN MENGIKUT ARAHAN.

Membersih dan Menyelenggara

Bateri dan pengecas tidak kalis air. Pastikan ia sentiasa kering. Lindungi peranti, bateri, dan pengecas daripada air atau wap. Jangan sentuh pengecas dengan tangan yang basah. Jika tidak, ia boleh menyebabkan litar pintas, malfungsi pada peranti, dan kejutan elektrik kepada pengguna.

Jangan tempatkan peranti, bateri, dan pengecas anda di tempat di mana ia boleh rosak disebabkan oleh pelanggaran. Jika tidak, ia boleh menyebabkan kebocoran bateri, malfungsi pada peranti, kepanasan melampau, kebakaran, atau letupan.

Jangan tempatkan media storan magnet seperti kad magnet dan cakera liut dekat dengan peranti.

Sinaran dari peranti boleh memadamkan maklumat yang disimpan di dalamnya.

Jangan tinggalkan peranti anda, bateri, dan pengecas di tempat yang mengalami suhu terlalu tinggi atau rendah. Jika tidak, ia mungkin tidak berfungsi dengan betul dan boleh menyebabkan kebakaran atau letupan. Apabila suhu lebih rendah daripada 0°C, prestasi bateri terjejas.

Jangan letakkan objek logam tajam seperti jarum dekat dengan cuping telinga telefon. Cuping telinga itu mungkin menarik objek ini dan mencederakan anda apabila menggunakan peranti ini.

Sebelum anda membersihkan atau menyelenggarakan peranti ini, matikan peranti dan tanggalkan dari pengecas.

Jangan gunakan sebarang detergen dan serbuk kimia atau agen kimia yang lain (seperti alkohol dan benzena) untuk membersihkan peranti dan pengecas. Jika tidak, beberapa komponen peranti boleh rosak atau berlaku kebakaran. Anda boleh membersihkan peranti dan pengecas dengan sehelai kain antistatik yang lembap dan lembut.

Jangan rungkaskan peranti atau aksesori. Jika tidak, waranti untuk peranti dan aksesori dibatalkan dan pengeluar tidak bertanggungjawab untuk membayar untuk kerosakan.

Jika skrin peranti pecah disebabkan oleh pelanggaran dengan objek keras, jangan sentuh atau cuba keluarkan bahagian yang pecah itu. Dalam kes ini, berhenti menggunakan peranti dengan segera, dan hubungi pusat servis yang sah dengan serta merta.

Panggilan Kecemasan

Anda boleh menggunakan peranti anda untuk panggilan kecemasan dalam kawasan perkhidmatan. Sambungan, walau bagaimanapun, tidak dapat dijamin dalam semua keadaan. Anda tidak boleh bergantung sepenuhnya pada peranti untuk komunikasi penting.

Kenyataan FCC

Telefon mudah alih ini mematuhi bahagian 15 Peraturan FCC. Operasi tertakluk kepada dua syarat berikut: (1) Peranti ini tidak boleh menyebabkan gangguan bahaya, dan (2) peranti ini mesti menerima sebarang gangguan diterima, termasuk gangguan yang boleh menyebabkan operasi yang tidak dikehendaki.

Telefon mudah alih ini telah diuji dan didapati mematuhi had untuk peranti digital Kelas B, menurut Bahagian 15 Peraturan FCC. Had ini direka untuk memberikan perlindungan sewajarnya terhadap gangguan berbahaya dalam pemasangan di kediaman. Peralatan ini menjana, menggunakan dan boleh memancarkan tenaga frekuensi radio dan, jika tidak dipasang dan digunakan mengikut arahan, boleh menyebabkan gangguan berbahaya kepada komunikasi radio. Bagaimanapun, tidak ada jaminan bahawa gangguan tidak akan berlaku dalam sesuatu pemasangan. Jika peralatan ini tidak menyebabkan gangguan berbahaya kepada penerimaan radio atau televisyen, yang boleh dikesan dengan mematikan dan menghidupkan peralatan, pengguna digalakkan mencuba membetulkan gangguan dengan satu atau lebih daripada langkah-langkah berikut:

- Orientasikan semula atau tempatkan semula antena penerimaan.
- Tingkatkan jarak antara peralatan dan penerima.
- Sambungkan peralatan dengan outlet pada litar yang berlainan daripada litar di mana penerima disambungkan.
- Dapatkan bantuan daripada pengedar atau juruteknik radio/TV yang berpengalaman.

Amaran FCC: Perubahan atau pengubahsuaian yang tidak disahkan secara jelas oleh pihak yang bertanggungjawab ke atas pematuhan boleh membatalkan kuasa pengguna untuk mengendalikan peralatan itu.

Antena yang digunakan untuk pemancar ini tidak boleh ditempatkan bersama atau beroperasi bersama dengan sebarang antena atau pemancar lain.

Maklumat Pendedahan RF (SAR)

Peranti ini memenuhi keperluan kerajaan untuk pendedahan kepada gelombang radio.

Peranti ini direka dan dikeluarkan untuk tidak melebihi had pengeluaran bagi pendedahan kepada tenaga frekuensi radio (RF) yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Komunikasi Persekutuan AS. Kerajaan.

Standard pendedahan untuk peranti wayarles menggunakan unit pengukuran yang dikenali sebagai Kadar Serapan Spesifik, atau SAR. Had SAR yang ditetapkan oleh FCC ialah 1.6W/kg. *Ujian untuk SAR dijalankan menggunakan posisi pengendalian standard yang diterima oleh FCC dengan peranti memancar pada aras kuasa paling tinggi yang disahkan pada semua jalur frekuensi yang diuji. Walaupun SAR ditentukan pada tahap kuasa tertinggi yang diluluskan, tahap SAR sebenar peranti semasa beroperasi boleh jadi di bawah nilai maksimum. Ini kerana peranti direka bentuk untuk beroperasi pada pelbagai tahap kuasa untuk digunakan hanya pada tahap kuasa yang diperlukan untuk mencapai rangkaian. Secara umum, semakin dekat anda berada dengan antena stesen pangkalan wayarles, semakin rendah output kuasa.

Nilai SAR tertinggi bagi peranti model seperti yang dilaporkan kepada FCC apabila diuji untuk kegunaan di telinga ialah 1.13 W/kg dan apabila dipakai di badan, seperti diterangkan dalam panduan pengguna ini, ialah .87 W/kg (Ukuran pemakaian di badan berbeza antara model peranti, bergantung kepada ketersediaan aksesori dan keperluan FCC.)

Bagi operasi pemakaian di badan, peranti ini telah diuji dan memenuhi garis panduan pendedahan FCC RF untuk digunakan dengan aksesori yang tidak mengandungi logam dan telefon berada pada kedudukan minimum 1.5 sm dari badan. Penggunaan aksesori lain mungkin tidak menjamin pematuhan garis panduan pendedahan FCC RF. Jika anda tidak menggunakan aksesori pemakaian badan dan tidak meletakkan peranti di telinga, letakkan telefon sekurang-kurangnya 1.5 sm dari badan anda apabila peranti dihidupkan.

Nilai SAR tertinggi telah dilaporkan di bawah peraturan FCC untuk telefon disenaraikan di bawah: SAR Kepala: 1.13 W/kg

SAR Badan: 0.87 W/kg

Walaupun terdapat perbezaan antara tahap SAR bagi pelbagai peranti dan pada pelbagai posisi, semuanya memenuhi keperluan kerajaan.

FCC telah memberikan Pentauliahan Peralatan untuk peranti model ini dengan semua tahap SAR yang dilaporkan dinilai sebagai mematuhi garis panduan pendedahan FCC RF. Maklumat SAR untuk peranti model ini berada dalam fail dengan FCC dan boleh didapati di bahagian Papar Geran www.fcc.gov/oet/ea/fccid selepas membuat carian FCC ID: ZL5B100

Untuk mengurangkan tahap pendedahan kepada sinaran, sila buat perkara berikut: (i) gunakan telefon mudah alih dalam keadaan penerimaan yang baik,

(ii) gunakan kit bebas tangan,

(iii) bagi wanita hamil, sila pegang telefon mudah alih jauh dari perut, (iv) gunakan telefon mudah alih jauh dari bahagian genital.

Kesesuaian Alat Bantu Pendengaran (HAC) Panduan Pengguna Telefon Cat

Cat® B100 (Versi AS) adalah sesuai dengan alat bantu pendengaran di bawah keperluan FCC untuk kesesuaian alat bantu pendengaran (HAC). [Penilaian B100 HAC: M3/ T3](#)

Peraturan kesesuaian alat bantu pendengaran FCC mensyaratkan telefon tertentu diuji dan dinilai di bawah standard kesesuaian alat bantu pendengaran C63.19 American National Standard Institute (ANSI). Standard ANSI untuk kesesuaian alat bantu pendengaran mengandungi dua jenis penilaian:

- M: Untuk mengurangkan gangguan frekuensi radio untuk membolehkan pemasangan akustik dengan alat bantu pendengaran yang tidak beroperasi dalam mod telegelung.
- T: Untuk pemasangan induktif dengan alat bantu pendengaran yang beroperasi dalam mod telegelung.

Penilaian ini diberikan pada skala daripada satu hingga empat, di mana empat mewakili paling sesuai. Telefon dianggap sebagai sesuai dengan alat bantu pendengaran bawah keperluan FCC jika ia dinilai pada M3 atau M4 untuk pemasangan akustik dan T3 atau T4 untuk pemasangan induktif.

Penilaian kesesuaian alat bantu pendengaran bukan satu jaminan bahawa sesuatu alat bantu pendengaran berfungsi dengan baik dengan telefon tertentu. Seseengah alat bantu pendengaran mungkin berfungsi dengan baik dengan telefon yang tidak memenuhi keperluan FCC untuk Kesesuaian Alat Bantu Pendengaran. Untuk memastikan sesuatu alat bantu pendengaran berfungsi dengan baik dengan telefon tertentu, gunakan kedua-duanya sekali sebelum membeli.

Pencegahan Kehilangan Pendengaran

Keperluan kenyataan amaran bawah EN 60950-1:A12.

Untuk mencegah kerosakan pendengaran yang mungkin berlaku, jangan dengar pada aras kelantangan tinggi untuk tempoh masa panjang.

Menggunakan fon kepala pada kelantangan tinggi boleh merosakkan pendengaran anda. Untuk mengurangkan risiko kerosakan pendengaran, kurangkan kelantangan fon kepala pada tahap yang selamat dan selesa.



Nota: Bagi negara Perancis, fon kepala/fon telinga untuk peranti ini mematuhi keperluan tahap tekanan bunyi yang dinyatakan dalam EN 50332-1 yang berkenaan: 2000 dan/atau EN50332-2: Standard 2003 seperti yang disyaratkan oleh Artikel Perancis L.5232-1.

Hingar latar, dan juga pendedahan berterusan kepada tahap kelantangan tinggi, boleh menjadikan bunyi terasa lebih perlahan daripada sebenar. Hidupkan audio dan semak kelantangan sebelum memasukkan apa-apa ke dalam telinga anda.

Bagi peranti yang menjalankan ujian mengikut EN60950-1:2006, melakukan ujian audio untuk EN50332 adalah mandatori.

Peranti ini telah diuji untuk mematuhi syarat Tahap Tekanan Bunyi yang dinyatakan dalam standard EN 50332-1 dan/atau EN 50332-2 yang berkaitan. Kehilangan pendengaran kekal boleh berlaku jika fon telinga atau fon kepala digunakan pada kelantangan tinggi untuk tempoh masa yang lama.

Pengisytiharan Pematuhan

Mematuhi syarat utama Artikel 3 Arahan R&TTE 1999/5/EC, jika digunakan bagi penggunaan yang dihasratkan dan standard berikut telah dipatuhi:

1. Kesihatan (Artikel 3.1(a) Arahan R&TTE)

Standard Yang Berkaitan:

- EN 50566: 2013
- EN 50360: 2001 / A1: 2012
- EN 62209-1: 2006 / -2: 2010
- EN 62479:2010

2. Keselamatan (Artikel 3.1(a) Arahan R&TTE)

Standard Yang Berkaitan:

- EN 60950-1:2006 / A11:2009+A1:2010+A12:2011
- EN 50332-1:2000 / -2: 2003

3. Kesesuaian elektromagnet (Artikel 3.1(a) Arahan R&TTE)

Standard Yang Berkaitan:

- EN 301 489-1 V1.9.2/-3 V1.4.1/-7 V1.3.1/-17 V2.2.1/-24 V1.51.

4. Penggunaan spektrum frekuensi radio (Artikel 3.1(a) Arahan R&TTE)

Standard Yang Berkaitan:

- EN 301 511 V9.0.2
- EN 301 908-1 V5.2.1/ -2 V5.2.1
- EN 300 328 V1.7.1
- EN 300 440-1 V1.6.1/ -2 V1.4.1

Tanda CE & Nombor Pengenalan NB

CETECOM

C €0682

Senarai Negara di mana peranti akan dijual

Austria	AT	Malta	MT
Belgium	BE	Belanda	NL
Cyprus	CY	Poland	PL
Republik Czech	CZ	Portugal	PT
Denmark	DK	Slovakia	SK
Estonia	EE	Slovenia	SI
Finland	FI	Sepanyol	ES
Perancis	FR	Sweden	SE
Jerman	DE	United Kingdom	GB
Greece	GR	Iceland	IS
Hungary	HU	Leichtenstein	LI
Ireland	IE	Norway	NO
Itali	IT	Switzerland	CH
Latvia	LV	Bulgaria	BG
Lithuania	LT	Romania	RO
Luxembourg	LU	Turki	TR

Mematuhi CE SAR

Peranti ini memenuhi keperluan EU (1999/519/EC) dari segi had pendedahan orang awam kepada medan elektromagnet melalui perlindungan kesihatan.

Had ini adalah sebahagian daripada pengesyoran ekstensif untuk perlindungan orang awam. Cadangan ini telah dibangunkan dan disemak oleh organisasi saintifik bebas melalui penilaian kajian saintifik secara teratur dan menyeluruh. Unit pengukuran bagi had yang dicadangkan oleh Majlis Eropah untuk peranti mudah alih ialah "Kadar Penyerapan Spesifik" (SAR), dan had SAR ialah 2.0 W/ kg purata bagi 10 gram tisu. Ia memenuhi keperluan Suruhanjaya Antarabangsa yang berkaitan dengan Perlindungan Sinaran

Bagi operasi peranti yang dipakai di badan, peranti ini telah diuji dan memenuhi garis panduan pendedahan ICNIRP dan Standard Eropah EN 62311 and EN 62209-2, untuk kegunaan aksesori khusus. Penggunaan aksesori lain yang mengandungi logam mungkin tidak memastikan pematuhan garis panduan pendedahan ICNIRP.

SAR diukur dengan peranti pada kedudukan 1.5 sm dari badan, semasa memancarkan tahap kuasa output tertinggi yang disahkan dalam semua jalur frekuensi peranti mudah alih.

Jarak 1.5 sm perlu dikekalkan antara badan dan peranti.

Nilai SAR tertinggi telah dilaporkan di bawah peraturan CE untuk telefon disenaraikan di bawah:

SAR Kepala: 0.951 W/kg

SAR Badan: 0.562 W/kg

Walaupun terdapat perbezaan antara tahap SAR bagi pelbagai peranti dan pada pelbagai posisi, semuanya memenuhi keperluan kerajaan.

Maklumat Pembuangan dan Pengitaran Semula

Tanda ini pada peranti (dan sebarang bateri yang termasuk) menunjukkan bahawa ia tidak boleh dibuang sebagai sampah isi rumah biasa. Jangan buang peranti atau bateri anda sebagai bahan buangan perbandaran yang tidak diisih. Peranti (dan mana-mana bateri) perlu diserahkan kepada tempat kutipan yang disahkan untuk dikitar semula atau dibuang dengan betul pada penghujung hayatnya.

Untuk maklumat yang lebih terperinci tentang mengitar semula peranti atau bateri, hubungi pejabat bandar tempatan anda, perkhidmatan pembuangan sisa isi rumah, atau kedai di mana anda beli peranti ini.

Pembuangan peranti ini tertakluk kepada arahan Sisa daripada Peralatan Elektrik dan Elektronik (WEEE) Kesatuan Eropah. WEEE dan bateri diasingkan daripada sisa lain untuk meminimumkan impak alam sekitar yang berpotensi ke atas kesihatan manusia daripada bahan berbahaya yang mungkin ada.

Pengurangan Bahan Berbahaya

Peranti ini mematuhi Peraturan Pendaftaran EU, Penilaian, Pentauliahan dan Sekatan Bahan Kimia (REACH) (No Peraturan 1907/2006/EC Parlimen Eropah dan Majlis) dan Arahan Sekatan Bahan Berbahaya EU (RoHS) (Arahan

2002/95/EC Parlimen Eropah dan Majlis). Untuk maklumat lanjut tentang pematuhan REACH peranti, layari Laman Web www.catphones.com/certification. Anda disyorkan mengunjungi

Laman Web dengan kerap untuk mendapatkan maklumat terkini.

Pematuhan Peraturan EU

Dengan ini, pengilang mengisytiharkan bahawa peranti ini mematuhi syarat penting dan peruntukan Arahan 1999/5/EC lain yang relevan.

Untuk Pengisytiharan Pematuhan, layari Laman Web www.catphones.com0682

Nota: Patuhi peraturan tempatan kebangsaan di lokasi di mana peranti ini digunakan. Peranti ini boleh dihadkan untuk kegunaan di sesetengah atau semua negara ahli Kesatuan Eropah (EU).

Nota: Peranti ini boleh dioperasikan di semua negara ahli EU.

Perancis: Penggunaan di luar bangunan dihadkan kepada 10 mW e.i.r.p. dalam lingkungan jalur 2454-2483.5 MHz. Itali: Untuk penggunaan peribadi, pentauliahan umum diperlukan jika WAS/RLAN's digunakan di luar premis sendiri.

Untuk penggunaan awam, pentauliahan umum diperlukan. Luxembourg: Pentauliah umum diperlukan untuk pembekalan rangkaian dan perkhidmatan.

Norway: Subseksyen ini tidak terpakai bagi kawasan geografi dalam lingkungan 20 km dari pusat Ny-Ålesund.

V100R001B03_01

Pernyataan Kanada Industri

Peranti ini mematuhi standard RSS pengecualian lesen Kanada Industri. Operasi tertakluk kepada dua syarat berikut:

1. Peranti ini mungkin tidak menyebabkan gangguan.
2. Peranti ini perlu terima sebarang gangguan, termasuk gangguan yang boleh menyebabkan operasi peranti yang tidak dikehendaki.

Radas digital kelas B ini mematuhi ICES-003 Kanada.

Pernyataan Pendedahan Sinaran:

Produk ini mematuhi had pendedahan RF mudah alih Kanada yang ditetapkan untuk persekitaran tidak terkawal dan selamat untuk operasi yang dihasratkan seperti diterangkan dalam manual ini. Pengurangan pendedahan RF selanjutnya boleh dicapai jika produk boleh dijauhkan seberapa boleh dari badan pengguna atau tetapkan peranti pada kuasa output yang lebih rendah jika fungsi itu tersedia.

Logo Pensijilan

C E0682



Вироблено
в КНР



00 00

